



Sebahagian tuaian projek tanaman timun yang dijayakan masyarakat Orang Asli Kampung Pantos.

Berita Harian (Pendidikan) 7/5/23 (Isnin)

UMP, ECERDC bantu perkasa ekonomi Orang Asli

Kuala Lipis: Peranan universiti tidak hanya melahirkan golongan bijak pandai tetapi dengan kepakaran dimiliki, ia seharusnya digunakan bagi membantu masyarakat.

Dalam konteks ini, Universiti Malaysia Pahang (UMP) ternyata menjalankan tugas dengan baik apabila projek kerjasama dengan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) mencapai matlamatnya.

Menerusi projek tanaman timun yang dibuat bagi memperkasakan ekonomi masyarakat Orang Asli Kampung Pantos di sini, sebanyak 10 juta tan metrik berjaya dituai.

Projek itu yang dijayakan institusi di bawah UMP, iaitu UMP Advanced membabitkan tanah seluas 1.5 hektar dan dimulai Januari lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Prof Madya Dr Hamzah Ahmad, berkata projek tanaman timun itu disertai oleh lima peserta terdiri daripada masyarakat Orang Asli kampung itu.

"Semua peserta sentiasa dibimbing dari segi penanaman,

penjagaan dan teknik tuaian bagi memastikan buah timun yang dihasilkan berkualiti.

"Tuaian pada 6 April lalu mencetuskan motivasi luar biasa dalam kalangan peserta kerana berjaya menuai hingga 10 tan metrik timur," katanya ketika meninjau kebun berkenaan yang turut disertai Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Modal Insan ECERDC, Datuk Wan Mohd Hasnan Abdullah dan Penolong Naib Canselor, Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat, UMP Prof Madya Ir Dr Nurul Hazlina Noordin.

Sementara itu bagi peserta program, Hasmizan Mohamad, 35, projek tanaman timun itu memberinya peluang menambah pendapatan keluarga.

Katanya, beliau yang sebelum ini hanya suri rumah sepenuh masa memperoleh ilmu baharu bermula dengan fasal awal penanaman timur hinggalah menuai hasil.

"Penyertaan dalam projek ini juga memberi saya kemahiran tambahan untuk bercucuk tanam dengan betul," katanya.